

07/06/2002

9 wakil SNAP bentuk pakatan

KUCHING, Khamis - Pergolakan dalaman Parti Kebangsaan Sarawak (Snap) berterusan berikutan tindakan sembilan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) dan Ahli Parlimennya mewujudkan pakatan menghadapi sebarang kemungkinan selepas presiden parti, Datuk Amar James Wong Kim Min kembali dari Australia, awal pagi ini.

Kumpulan yang diketuai Timbalan Presiden, Datuk Peter Tinggom hari ini mengadakan pakatan dan perjanjian persefahaman untuk tidak keluar dari BN dan menyokong kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Pada sidang akhbar di sini hari ini, Tinggom berkata, kumpulannya akan mengadakan mesyuarat majlis tertinggi Isnin ini bagi membincang masalah kritikal yang dihadapi parti.

"Semua ahli MT dari Sibul, Miri dan Kuching dijangka hadir pada mesyuarat berkenaan bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi Snap sekarang," katanya.

Turut hadir termasuk, naib presiden Datuk Wiliam Mawan ak Ikom, Datuk Dr Tiki ak Lafe, Ketua Pemuda serta Wanita Snap, Dr Judson Sakai Tagal dan Winie Jolly.

Krisis dalaman Snap timbul April lalu selepas mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Pusat (CEC) memecat Ahli Parlimen Bintulu, Datuk Seri Tiong King Sing daripada parti, diikuti tindakan lapan ahli CEC memulaukan mesyuarat kerana menyifatkan pemecatan Tiong tidak mengikut perlembagaan parti.

Sementara itu, Wong pada sidang akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, berkata beliau akan berusaha menyelesaikan masalah parti sejak ketiadaannya di Sarawak sebulan lalu bagi mendapatkan rawatan kesihatan.

"Sudah menjadi tugas saya menjaga kepentingan parti dan semua 150,000 anggota parti.

"Saya akan menyelesaikan masalah parti dengan cara terbaik dan memastikan semuanya kembali pulih. Saya tidak faham mengapa saya keluar negara perkara ini (pergolakan dalam Snap) berlaku," katanya.

Kini hanya Adun Limbang, Richard Wong dan Setiausaha Agung, Datuk Justine Jinggut yang berpihak kepada Wong, manakala anggota CEC lain bersekongkol dengan Tinggom dalam usaha menyingkirkan Wong sebagai presiden.

(END)